

Rancang harta masa hidup elak waris bertelagah

B/H 22/6/12 MS 5

Akaun Amanah AmanahRaya lindungi kepentingan penerima dan penderma

● AHMAD ISMAIL | BERITA HARIAN

APABILA berlaku kematian, tidak ada satu hari berlalu tanpa kesedihan dan kedu-kaan. Pada masa sama, perbincangan turut menyentuh harta simati termasuk harta yang boleh dimiliki serta pihak berhak menerimanya.

Tidak dinafikan dalam urusan itu, ada yang tanpa segan silu terus mengambil alih tampuk pemerintahan harta pusaka tanpa perbincangan terlebih dulu sesama waris. Lebih mendukacitakan dan dikesalkan, apabila tiada seorang pun ingin mengetahui si mati mempunyai wasiat atau hutang.

Inilah dunia hari ini, di sebalik kematian sewajarnya diikuti dengan keinsafan dan pengajaran tetapi perebutan harta menjadi monopoli perbincangan.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Orang mukmin sama ada lelaki ataupun perempuan akan sentiasa diuji oleh Allah SWT sama ada dirinya, anaknya ataupun hartanya sehinggalah dia menghadap Allah SWT tanpa dia membawa dosa sedikitpun." (Hadis riwayat Imam Tirmizi)



PENDUDUK mengikuti penerangan berkaitan wasiat yang dikendali oleh AmanahRaya di Kampung Lubok Batu, Segamat.

INFO

Akaun Amanah AmanahRaya Tunai

- Amanah dalam bentuk tunai yang dibuka oleh individu berusia 18 tahun dan ke atas untuk kepentingan benefisiari mengikut terma dan syarat dalam Suratlkatan Amanah.
- Pemilik iaitu penderma berhak untuk menentukan kandungan Suratlkatan Amanah serta melantik pemegang amanah.
- Suratlkatan Amanah adalah dokumen yang mengandungi terma telah dipersetujui dan AmanahRaya sebagai pemegang amanah berkaitan akaun amanah yang dibuka.
- Akaun Amanah yang ditawarkan di AmanahRaya berbeza jika dibandingkan dengan akaun perbankan sedia ada umpamanya akaun

AMANAHRAYA

ESTATE ADMINISTRATION ■ TRUST MANAGEMENT ■ PROPERTIES ■ INVESTMENT ■ BANKING

Sesungguhnya bukan mudah untuk memenuhi setiap kehendak waris yang ditinggalkan kerana pelbagai kriteria berbeza baik dari segi sikap, tabiat serta kemahuan. Oleh itu, jangan kita terperanjat apabila berdepan masalah ini.

Lazimnya, ramai yang tidak sedar senario begini mudah berlaku kerana belum berdepan dengan sebarang kematian dalam kalangan anggota keluarga sendiri.

Firman Allah yang bermaksud: *"Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang yang bertaubat)." (Surah Al-Mulk, ayat 2)*

Walaupun bagaimanapun, ramai juga terdedah dengan perlakuan tidak sihat yang berlaku dalam kalangan ahli waris terutama apabila didapati harta pusaka simati mempunyai nilai tinggi di pasaran.

Harta itu akan menjadi rebutan berpanjangan apabila sekali lagi terdapat percanggahan pendapat siapakah lebih berhak memiliki harta yang mempunyai nilai tinggi dan bagaimana untuk membahagikannya.

Realiti ini tidak dapat dielakkan dan sukar menangani permasalahan ini apabila perkara kecil bertukar menjadi besar mengakibatkan ramai pihak menanggung kerugian termasuk simati sendiri.

Persoalannya sekarang adakah ini yang kita mahukan untuk keluarga kita? Dalam pada kita sibuk bekerja mengumpul harta dunia, kita terlupa mengumpul harta akhirat. Di sebalik kekayaan dunia kita gagal memanjangkan kekayaan ke alam yang kekal abadi.

Islam menuntut umatnya mencari kekayaan di dunia dan mengingatkan kekayaan di akhirat dengan terang tetapi mengapa ramai

masih lalai? Islam juga menuntut umatnya mengutamakan kehidupan dunia dan akhirat secara seimbang.

Perkara asas ini perlu dijadikan ketetapan diri supaya umat Islam tidak mudah lupa atau terpesong demi beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat. Sepatutnya umat Islam perlu mengambil iktibar dan pengajaran daripada kes terdahulu supaya waris mereka tidak berdepan permasalahan sama.

Oleh itu, semasa hayat ini kita perlu membuat perancangan harta kerana kita masih mempunyai kuasa. Jadilah umat yang bertakwa, berjaya dalam kehidupan dan berkesudahan dengan baik tanpa me-

lupakan tanggungjawab.

Sebaik-baiknya umat Islam melakukan tanggungjawab dengan membuat perancangan harta sewaktu hayat berlandaskan kepada keperluan syariah. Sekurang-kurangnya ini adalah kehendak berdasarkan kemampuan anda.

Firman Allah yang bermaksud: *"Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdo'a dengan berkata): Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir." (Surah al-Baqarah, ayat 286)*

Sedarlah semua ini boleh dihindari. Jika kita sudah mati tiadalah yang boleh dilakukan melainkan berdoa supaya waris yang ditinggalkan nanti dapat memikul tanggungjawab kerana kita tidak membuat perancangan harta.

Kini, apabila berlaku kematian, kita sudah tiada kuasa menentukan perjalanan kekayaan dimiliki. Semua kini terletak di tangan waris

yang berhak dan masih hidup untuk menentukan arah tuju perjalanan harta secara baik atau sebaliknya dan manfaat yang boleh kita terima kelak.

Suka atau tidak, waris anda akan berada dalam situasi tidak sihat iaitu permasalahan untuk membahagikan harta pusaka antara mereka. Sekali lagi, kita bertemu permasalahan siapakah akan bertanggungjawab melanjutkan perjuangan perniagaan, kebun getah, rumah sewa dan sebagainya.

Apa yang pasti, Akaun Amanah AmanahRaya berbeza dan unik. Akaun Amanah AmanahRaya yang diwujudkan mempunyai tujuan khas dengan spesifikasi yang ditentukan dan ditetapkan sendiri oleh pemberi amanah (penderma).

Akaun Amanah AmanahRaya dilindungi undang-undang serta wujudnya pemegang amanah bagi memastikan objektif amanah dicapai seperti ditetapkan penderma dalam SuratTikatan Amanah. Ini adalah perkara asas dalam memahami kekuatan produk bertasarkan amanah ditawarkan 19 cawangan AmanahRaya di seluruh negara.

Kekuatan dan keunikan ini membolehkan perancangan dibuat dalam senario, kriteria dan keadaan berbeza walaupun membawa objektif sama iaitu memberi keadilan kepada waris dan sesiapa yang dikehendaki pemilik terutama untuk tujuan kebajikan dan amal jariah tanpa melupakan bahagian waris yang berhak.

Anda boleh menghubungi jabatan khas yang mengendalikan semua produk amanah iaitu Jabatan Pentadbiran Amanah melalui e-mel rosmaidar@arb.com.my atau nurazila@arb.com.my. Pegawai AmanahRaya bersedia memberi khidmat untuk merealisasikan perancangan anda.

simpanan, akaun semasa atau akaun deposit tetap. Kesemua akaun ini lazimnya dibuka untuk kemudahan pengurusan kewangan harian dan berbentuk semasa tanpa melantik pemegang amanah atau benefisiari.

■ Akaun Amanah AmanahRaya ada tempoh matang yang ditetapkan oleh penderma.

■ Salah satu instrumen perancangan harta bagi memudahkan pengurusan kewangan bagi pihak penderma.

■ Akaun Amanah AmanahRaya pilihan terbaik untuk pengurusan harta bagi mereka yang tiada zuriat, mempunyai anak angkat atau pasangan yang tiada zuriat lelaki (terutama yang beragama Islam).

■ Pengagihan harta boleh dilaksanakan mengikut kehendak penderma sewaktu hidup atau selepas satu tempoh tertentu berdasarkan keperluan.

■ Melindungi kepentingan penerima harta amanah (benefisiari) terutama benefisiari bawah umur, cacat akal, kurang upaya atau memerlukan jaminan pengurusan perubatan atau lain-lain keperluan asas apabila ketiadaan penderma.

■ Harta amanah tidak jatuh di bawah harta pusaka.

■ Akaun amanah juga tidak akan dibekukan seperti mana yang berlaku dengan akaun simpanan di institusi kewangan lain.

PETIKAN AL-QURAN



Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang yang bertaubat)



Surah Al-Mulk, ayat 2